

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 16.11.2016

SOALAN :

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan mengapa gaji tunggakan dari Mei 2015 hingga Disember 2015 bagi 51 pekerja pembersihan di 7 buah sekolah di Ipoh, Perak masih belum diselesaikan walaupun Jabatan Pendidikan tahu sejak Julai 2015 bahawa kontraktor berkenaan iaitu Time Medi, telah muflis.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menamatkan kontrak perkhidmatan kebersihan bangunan dan kawasan Syarikat Time Medi Enterprise berkuatkuasa pada 1 November 2015. KPM melalui Jabatan Pendidikan Negeri Perak telah merampas Bon Pelaksanaan Syarikat Time Medi pada 4 Mac 2016 yang berjumlah RM31,294.52. Nilai rampasan adalah berdasarkan tuntutan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) dan wang Bon Pelaksanaan tersebut telah disalurkan kepada JTK untuk tujuan penyelesaian penuh tunggakan gaji 17 orang bekas pekerja Syarikat Time Medi.

RJM58